KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

KAJIAN TEMPATAN

TAHUN 6

ppk

Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
2001

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KAJIAN TEMPATAN

TAHUN 6

ppk

Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
2001

ISBN

KANDUNGAN

RUKUN NEGARA **iv**
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN **v**
KATA PENGANTAR **vi**

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN

Pendahuluan 1
Matlamat dan objektif 2
Organisasi kurikulum 3
Kurikulum Kajian Tempatan KBSR Tahun 6 13
Objektif Kurikulum Kajian Tempatan KBSR Tahun 6 14
Topik 9 : Sumber Negara 17
Topik 10 : Ekonomi Negara 31
Topik 11 : Pembinaan Bangsa dan Negara 47
Topik 12 : Kejayaan dan Kebanggaan Negara 61

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA

Mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut:-

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap akan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran akses kendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Kajian Tempatan merupakan mata pelajaran pendukung utama pemupukan semangat patriotik yang mengkaji interaksi manusia dengan manusia dan manusia dengan alam persekitarannya. Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, guru perlu menyepadukan pelbagai pendekatan displin dan pengetahuan seperti pendidikan sivik dan agama; kemahiran, nilai serta aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah. Dengan itu, pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh adalah lebih bermakna serta murid lebih peka kepada keharmonian hidup bersama.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini banyak pihak terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BINTI SYED ZIN)
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Mata Pelajaran Kajian Tempatan Sekolah Rendah yang terangkum dalam bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan bertujuan membentuk rakyat Malaysia
yang bersatu padu, hidup dalam masyarakat yang mempunyai nilai moral dan etika yang utuh, mengamalkan demokrasi, penyayang, progresif, sejahtera dan bersemangat patriotik.

Selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Mata Pelajaran Kajian Tempatan ini dapat melahirkan insan yang berilmu dan beramal, harmonis serta berketerampilan.

Mata Pelajaran Kajian Tempatan diajar di Tahap II mulai Tahun 4 hingga Tahun 6. Mata pelajaran ini dirancang untuk menjadi saluran utama bagi murid memperoleh pengetahuan, pemahaman asas serta pengalaman hidup yang seimbang dan harmonis sesama manusia dan antara manusia dengan alam persekitarannya. Interaksi ini mewujudkan pelbagai cara hidup masyarakat Malaysia dan memperlihatkan bagaimana mereka berusaha untuk mencapai kesejahteraan hidup. Mata pelajaran ini juga menjadi pendukung utama bagi memupuk semangat patriotik di kalangan murid.

Kandungan mata pelajaran ini diolah mengikut tiga ruang liput seperti berikut:

Pertama : Keluarga, rumah , jiran dan sekolah.

Kedua : Kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri.

Ketiga : Negara kita.

Kajian menerusi ruang liput dapat memberikan pengetahuan dan pemahaman kepada murid tentang persekitarannya yang dekat sebelum menjangkau ke kawasan yang lebih jauh.

Setiap ruang liput terdiri daripada beberapa topik untuk memberi tumpuan kepada aspek-aspek yang perlu dipelajari murid. Setiap topik mengandungi subtopik-subtopik yang menentukan skop kajian. Topik-topik dibahagikan kepada Tahun 4, 5 dan 6 seperti berikut:

Tahun 4 - Topik 1 hingga 4

Tahun 5 - Topik 5 hingga 8

Tahun 6 - Topik 9 hingga 12

MATLAMAT

Mata Pelajaran Kajian Tempatan bertujuan melahirkan murid yang setia pada negara, cinta akan tanah air, prihatin dan berbangga sebagai rakyat Malaysia serta boleh berinteraksi secara berkesan ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmonis, bersatu padu, demokratik, progresif dan sentiasa mensyukuri nikmat Tuhan.

OBJEKTIF

Kurikulum Kajian Tempatan Sekolah Rendah membolehkan murid:

1. mengetahui dan memahami peranan, tanggungjawab dan hak sebagai anggota dalam keluarga dan masyarakat ;
2. memahami dan menghargai keadaan fizikal setempat dan negara;
3. mengenali dan memahami ciri-ciri masyarakat setempat dan negara;
4. memahami dan menyedari perkembangan dan perubahan masyarakat setempat dan negara;
5. mencintai dan menghargai alam sekitar;
6. mengenali tokoh-tokoh dan menghargai sumbangan mereka dalam memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan;
7. memahami dan menghargai sejarah negara;
8. menguasai kemahiran belajar, kemahiran sosial dan kemahiran berfikir;
9. menghargai keperibadian bangsa dan mempunyai semangat patriotik; dan
10. mensyukuri segala nikmat Tuhan.

ORGANISASI KURIKULUM

Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan ini mengandungi program pembelajaran untuk tiga tahun mulai Tahun 4 hingga Tahun 6. Kandungan mata pelajaran ini diolah mengikut tiga ruang liput seperti yang berikut :

RUANG LIPUT	KANDUNGAN
Pertama	Keluarga, rumah, jiran dan sekolah.
Kedua	Kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri.
Ketiga	Negara kita.

Kajian menerusi ruang liput ini dapat memberi pengetahuan dan pemahaman kepada murid tentang persekitarannya yang dekat sebelum menjangkau ke kawasan yang lebih jauh.

Ruang liput pertama iaitu **keluarga, rumah, jiran dan sekolah** menekankan interaksi murid dengan keluarga dan masyarakat serta amalan nilai-nilai hidup berjiran dan bermasyarakat.

Ruang liput kedua menyedarkan murid tentang identiti dan keistimewaan **kawasan tempat tinggal, mukim, daerah/jajahan, bahagian dan negeri** supaya mereka cinta dan bangga dengan persekitaran dan negeri mereka.

Ruang liput ketiga pula memberi pendedahan kepada murid tentang **sejarah, keadaan sosial, ekonomi dan kejayaan negara.** Ini akan menimbulkan kesedaran kepada murid tentang usaha pembinaan bangsa dan negara Malaysia. Pengalaman pembelajaran yang diperoleh melalui ruang liput tersebut dapat membentuk warganegara yang bersemangat patriotik dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Setiap ruang liput dibahagikan kepada beberapa topik atau bidang pembelajaran untuk memberi tumpuan kepada aspek-aspek yang perlu dikaji oleh murid. Setiap topik mengandungi subtopik-subtopik yang menentukan skop kajian. Topik-topik dibahagikan kepada Tahun 4, 5 dan 6 seperti yang berikut :

Tahun 4 - Topik 1 hingga 4
Tahun 5 - Topik 5 hingga 8
Tahun 6 - Topik 9 hingga 12

Topik 1 hingga 4 untuk Tahun 4 bertujuan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran murid bagi memahami dan menghargai perihal setempat yang merangkumi ruang liput keluarga, rumah, jiran, sekolah, kawasan tempat tinggal, mukim, daerah / jajahan, bahagian dan negeri. Topik 5 hingga 8, murid Tahun 5 diperkenalkan pula tentang latar belakang dan identiti negaranya supaya mereka cinta dan bangga kepada negara. Seterusnya topik 9 hingga 12, murid Tahun 6 dapat menghargai keperibadian bangsa dan mempunyai semangat patriotik ke arah pembinaan bangsa dan negara.

BIDANG PEMBELAJARAN

TAHUN	TOPIK	TOPIK	TOPIK	TOPIK
TAHUN 4	RUMAH DAN KELUARGA	KEJIRANAN	SEKOLAH KITA	PERIHAL SETEMPAT
TAHUN 5	MENGENAL NEGARA KITA	KEINDAHAN NEGARA KITA	SEJARAH NEGARA KITA	MASYARAKAT MALAYSIA
TAHUN 6	SUMBER NEGARA	EKONOMI NEGARA	PEMBINAAN BANGSA DAN NEGARA	KEJAYAAN DAN KEBANGGAAN NEGARA

URUTAN BIDANG PEMBELAJARAN



Bagi merancang dan melaksanakan mata pelajaran inidengan berkesan di sekolah, guru perlulah mengetahui dan memahami matlamat, objektif, organisasi kandungan dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Sekolah Rendah. Untuk meningkatkan pemahaman guru dan pihak-pihak yang mempunyai peranan dalam aktiviti latihan dan penyebaran maklumat tentang kandungan sukatan pelajaran tersebut, Huraian Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Tahun 4,5 dan 6 disediakan.

Tujuan Huraian Sukatan Pelajaran ini disediakan adalah untuk membantu guru:

i. mentafsir dan memahami Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Sekolah Rendah dengan tepat;

ii. mengetahui skop, ruang liput dan bidang kajian mata pelajaran ini;

iii. menentukan objektif am, objektif khusus dan hasil pembelajaran untuk merancang pelajaran;

iv. menyediakan rancangan pelajaran yang sistematis; dan

v. melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

Huraian Sukatan Pelajaran dipersembahkan dalam empat lajur iaitu **Topik/Subtopik**, **Hasil Pembelajaran**, **Unsur Patriotisme** dan **Contoh Aktiviti**. Setiap lajur tersebut mengandungi maklumat yang perlu diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dalam lajur **Topik/Subtopik**, disenaraikan topik utama dan subtopik-subtopik kepada topik utama tersebut. Bagi setiap subtopik, disenaraikan tajuk-tajuk kecil. Topik utama, subtopik dan tajuk-tajuk kecil bagi subtopik ialah kandungan Sukatan Pelajaran. Bagi setiap tajuk kecil pula tercatat perincian huraian. Kedalaman dan keluasan skop sesuatu topik itu ditentukan oleh subtopik, tajuk kecil dan perincian huraian tajuk kecil.

Dalam persediaan pengajaran dan pembelajaran mingguan dan harian, guru bolehlah memilih satu tajuk kecil atau rangkuman beberapa tajuk kecil sebagai isi pelajaran mengikut kesesuaian, kesediaan dan keupayaan murid.

Dalam lajur **Hasil Pembelajaran**, segala kemahiran dan pengalaman pembelajaran yang perlu dikuasai murid disenaraikan. Penyataan hasil pembelajaran diolah secara khusus supaya mudah diukur dengan tepat tentang apa yang boleh dimanifestasikan murid berhubung dengan pengetahuan dan pengalaman pembelajaran mereka.

Hasil pembelajaran disenaraikan mengikut urutan kesukaran dan merangkumi bidang kognitif, afektif dan psikomotor.

Dalam lajur **Unsur Patriotisme** pula, disenaraikan nilai murni masyarakat dan semangat patriotik yang ingin dipupuk. Aspek ini amat penting disepadukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana melaluinya murid akan dapat menghayati mesej yang disampaikan. Pemupukan unsur patriotisme ini boleh dilakukan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara terancang. Penyataan semangat patriotik ini disenaraikan selaras dengan isi kandungan dalam lajur **Topik / Subtopik** dan **Hasil Pembelajaran**.

Untuk memastikan murid mengetahui, memahami dan menguasai pelbagai kemahiran, lajur **Contoh Aktiviti** disediakan. Berpandukan contoh aktiviti tersebut, guru dapat mengelolakan pelajaran dengan lebih berkesan.

Contoh yang disediakan adalah berbentuk kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid.

Contoh :

i. Murid **menyenaraikan**……
ii. Murid **melakarkan peta**……
iii. Murid **mencatat**……

Selain daripada aktiviti yang dicadangkan, guru bolehlah menjalankan aktiviti pembelajaran lain yang sesuai dengan murid. Aktiviti yang dirancang perlu mengambil kira perkara-perkara yang berikut:

i. Menepati objektif dan isi pelajaran.

ii. Mengikut kebolehan mental dan fizikal murid.

iii. Bersesuaian dengan bakat, minat dan emosi murid.

iv. Menggalakkan mereka berfikir, membuat kajian, mencatat atau merekod, berbincang dan membuat rumusan.

v. Menggalakkan murid berusaha belajar sendiri dengan arahan dan panduan guru yang minimum.

vi. Menggalakkan interaksi sesama murid dan murid dengan persekitarannya.

vii. Menggalakkan murid menghasilkan tugasan dalam pelbagai bentuk.

viii. Menggalakkan murid bekerja secara kumpulan.

Dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu topik, guru perlulah merujuk kepada setiap ruang dalam Huraian Sukatan Pelajaran untuk memahami tumpuan, kedalaman dan keluasan sesuatu topik dan subtopik serta kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid. Guru bolehlah menambah maklumat lain yang dirasakan perlu bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.Dalam usaha ke arah mencapai matlamat Mata Pelajaran Kajian Tempatan, perkara yang berikut perlu diberi perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

i. Pendekatan Bersepadu

Pendekatan bersepadu ialah satu strategi yang berkesan untuk menjalin dan mengadun unsur pengetahuan, kemahiran dan pemupukan patriotisme. Oleh itu, dalam pengajaran dan pembelajaran Kajian Tempatan yang membicarakan interaksi sesama manusia dan persekitarannya, penekanan perlu diberikan terhadap pemerolehan pengetahuan, perkembangan kemahiran dan pemupukan semangat patriotik.

Melalui pendekatan bersepadu, penekanan juga perlu diberikan terhadap penggunaan bahasa sebagai alat komunikasi dan bahasa ilmu. Di samping itu, pengetahuan dan kemahiran daripada mata pelajaran lain serta pengalaman hidup seharian murid perlu dihubungkaitkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

ii. Pemahaman Idea dan Konsep

Mata Pelajaran Kajian Tempatan mempunyai idea dan konsep yang khusus. Pemahaman dan penghayatan idea dan konsep amat penting supaya pengetahuan yang diperoleh berguna dalam kehidupan seharian.

iii. Pemupukan Patriotisme

Mata Pelajaran Kajian Tempatan adalah pendukung utama pemupukan semangat patriotik di sekolah rendah. Dalam pengajaran dan pembelajaran, penekanan perlu dibuat supaya murid dapat menyayangi keluarga , jiran dan persekitaran serta menghormati masyarakat, patuh kepada pemimpin dan taat kepada raja; dan seterusnya sentiasa mendaulatkan undang-undang . Pengalaman pembelajaran ini akan membentuk murid yang setia kepada negara dan bangga sebagai rakyat Malaysia.

iv. Peningkatan Kemahiran Belajar, Kemahiran Sosial dan Kemahiran Berfikir.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penekanan perlu diberikan kepada perkembangan kemahiran belajar, kemahiran sosial dan kemahiran berfikir. Dalam kemahiran belajar, beberapa proses perlu dilalui oleh murid iaitu mengumpul dan mengelas maklumat, mentafsir, menganalisis, mensintesis dan mengaplikasi. Penguasaan kemahiran sosial seperti kemahiran berinteraksi dalam kelas, dalam kumpulan dan dalam masyarakat juga diutamakan. Kemahiran belajar, kemahiran sosial dan kemahiran berfikir sentiasa berkait rapat dalam melaksanakan sesuatu tugasan. Kemantapan murid membuat rumusan dan usaha mengatasi sesuatu masalah banyak bergantung kepada keupayaan dan cara mereka berfikir. Oleh itu, murid perlu dibimbing dan digalakkan berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.

v. Penggunaan Pelbagai Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Untuk mengembangkan lagi potensi serta meningkatkan keupayaan dan kebolehan murid secara menyeluruh dan seimbang, murid perlulah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Bagi Mata Pelajaran Kajian Tempatan, **pelbagai kaedah boleh digunakan.** Salah satu daripada kaedah yang boleh digunakan ialah kaedah **inkuiri penemuan.**

Kaedah inkuiri penemuan sesuai digunakan kerana melalui kaedah ini, murid memperoleh pengetahuan dan menguasai kemahiran dengan daya usaha mereka sendiri. Murid mencari dan mengumpul maklumat melalui berbagai-bagai aktiviti. Dengan itu, pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh adalah lebih bermakna dan berkesan.

Kaedah ini juga dapat mengembangkan kemahiran berfikir dan naluri ingin tahu di kalangan murid. Dalam menjalankan proses inkuiri penemuan, murid akan lebih peka kepada keadaan masyarakat dan persekitarannya.

Kaedah inkuiri penemuan adalah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusat kepada murid. Murid memainkan peranan penting dalam merancang dan menjalankan aktiviti pembelajarannya. Mereka melibatkan diri secara aktif dalam mencari dan mengumpulkan maklumat melalui berbagai-bagai aktiviti seperti memerhati,

mendengar, menyoal, berbincang, membuat rujukan, membuat ulang kaji dan membuat kaji selidik. Aktiviti ini boleh dijalankan secara bersendirian atau kumpulan. Aktiviti tersebut merupakan kemahiran penting dalam tugasan yang lebih menyeluruh seperti kerja projek, kajian kes, simulasi , lawatan, main peranan dan kuiz.

Mengikut kaedah ini, guru bertindak sebagai pembimbing dan penggalak untuk merangsang murid menjadi lebih yakin dan berminat dalam menjalankan aktiviti pembelajarannya.

Pada amnya, kaedah inkuiri penemuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ada lima peringkat. Pada setiap peringkat, murid terlibat secara aktif dalam:

a. mengenal pasti perkara yang hendak dikaji melalui soal jawab dan perbincangan;

b. menentukan cara untuk mengatasi masalah yang dikenal pasti dengan bersoal jawab dan berbincang;

c. mengumpul maklumat melalui berbagai-bagai cara seperti bersoal jawab, mencerap, membuat uji kaji dan kaji siasat mengenai masalah yang hendak diselesaikan;

d. mengkaji maklumat yang telah dikumpulkan dengan cara mengelas, membanding dan menganalisis untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi; dan

e. membuat rumusan dalam bentuk generalisasi berdasarkan maklumat yang telah dikumpul dan dianalisis.

Oleh sebab inkuiri penemuan ini kaedah yang berpusatkan murid, guru perlu membimbing dan menggalakkan murid dalam mengenal pasti masalah yang dihadapi. Dalam menjalankan aktiviti untuk mendapatkan rumusan, guru tidak memberi jawapan sebelum murid terlibat dalam proses **inkuiri penemuan.** Guru hendaklah sentiasa mengemukakan soalan yang merangsang murid ke arah menemui jawapan yang dicari.Guru perlu sabar dan memberi masa yang cukup kepada murid bagi menjalankan aktiviti pembelajaran yang berkaitan.

Walaupun kaedah inkuiri penemuan diberi penekanan, guru boleh menggunakan kaedah lain yang difikirkan sesuai bagi menyampaikan sesuatu maklumat atau idea kepada murid. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan kaedah lain, guru hendaklah sentiasa melibatkan murid secara aktif dalam proses

pembelajaran. Kepelbagaian kecerdasan murid perlu diambilkira bagi memperkukuh dan memperkaya pengalaman pembelajaran mereka.

vii. Komuniti Sebagai Sumber

Dalam pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah inkuiri penemuan, murid memainkan peranan penting dalam mencari maklumat untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau isu.

Bagi Mata Pelajaran Kajian Tempatan, komuniti setempat merupakan sumber utama untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat, murid boleh bergaul rapat dengan komuniti.

Daripada komuniti, murid dapat mengumpulkan berbagai-bagai bahan dan peralatan budaya yang mempunyai nilai-nilai pendidikan yang tertentu.

Murid juga boleh memerhati atau menyertai sendiri berbagai-bagai kegiatan yang dijalankan dalam komunitinya. Dengan ini, murid mendapat pengalaman pembelajaran yang berguna. Selain itu, anggota komuniti itu sendiri dapat digunakan sebagai sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat. Mereka ini boleh dikunjungi atau dijemput untuk memberi ceramah. Guru perlu menyedarkan murid betapa besarnya potensi komuniti setempat sebagai sumber maklumat dalam proses pembelajaran. Untuk mendapatkan maklumat, murid perlu menguasai kemahiran memerhati, mengumpul serta mengkaji bahan dan menemu bual.

KURIKULUM KAJIAN TEMPATAN TAHUN 6

KANDUNGAN

Kandungan pelajaran untuk Tahun 6 merangkumi ruang liput yang ketiga iaitu **Negara Kita.**

Ruang liput ketiga memberi pendedahan kepada murid tentang sejarah, keadaan sosial, ekonomi dan kejayaan negara. Ini akan menimbulkan kesedaran kepada murid tentang usaha pembinaan bangsa dan negara Malaysia. Pengalaman pembelajaran yang diperoleh melalui ruang liput tersebut dapat membentuk warganegara yang bersemangat patriotik dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Ruang liput bagi Tahun 6 terdiri daripada empat topik iaitu:

Topik 9	**:**	**Sumber Negara**
Topik 10	**:**	**Ekonomi Negara**
Topik 11	**:**	**Pembinaan Bangsa dan Negara**
Topik 12	**:**	**Kejayaan dan Kebanggaan Negara**

OBJEKTIF KURIKULUM KAJIAN TEMPATAN TAHUN 6

Objektif kurikulum Kajian Tempatan Tahun 6 adalah untuk membolehkan murid:

1. mengenali dan menghargai pelbagai sumber di negara kita;
2. menyedari cara sumber diperoleh dan kesannya pada sumber dan landskap;
3. mengetahui cara-cara pengurusan sumber negara;
4. menyedari setiap individu bertanggungjawab dan mempunyai komitmen terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan sumber negara;
5. mengetahui pelbagai kegiatan ekonomi utama dan lokasinya di Malaysia;
6. mengetahui dan menghargai sumbangan kegiatan ekonomi terhadap pekerjaan, pendapatan dan pembangunan negara;
7. memahami dan menyedari usaha - usaha pembangunan ekonomi sentiasa dipertingkatkan;
8. menyedari pelbagai usaha dijalankan untuk menjamin perkembangan ekonomi dan pembangunan negara secara berterusan;
9. mengenal perlembagaan negara kita;
10. memahami dan mengamalkan Rukun Negara dalam usaha membina bangsa dan negara;
11. mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian dalam usaha membangunkan negara;
12. menghormati dan mengamalkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara kita;
13. menghormati dan memahami pelbagai rancangan ekonomi , sosial dan kerohanian dalam usaha membangunkan negara kita;

14. mengenal dan memahami kejayaan dan kebanggaan negara kita dalam bidang sosiobudaya, ekonomi , sukan dan hubungan antarabangsa;
15. memahami dan menyedari bahawa kemajuan dan kejayaan negara adalah berpunca daripada usaha gigih rakyat yang berterusan;
16. menyedari bahawa mengamalkan penggunaan Bahasa Melayu yang betul, bersikap hormat – menghormati serta toleransi terhadap pelbagai agama dan kepercayaan serta amalan nilai murni akan membawa keharmonian serta kesejahteraan hidup yang berterusan di kalangan rakyat Malaysia; dan
17. mengetahui peranan dan sumbangan negara kita melalui keanggotaannya dalam pertubuhan antarabangsa.

TOPIK 9 : SUMBER NEGARA

Topik ini membolehkan murid mengenali dan menghargai pelbagai jenis sumber di negara kita. Melalui proses pengajaran dan pembelajaran, murid mengetahui pelbagai cara pemerolehan, penggunaan dan pengurusan sumber negara. Murid juga mengetahui dan menyedari bahawa pemerolehan sumber boleh mengakibatkan perubahan landskap, pencemaran dan kepupusan sumber. Melalui topik ini, kepekaan dan rasa tanggungjawab terhadap sumber negara dapat dipupuk di kalangan murid dan seterusnya bertindak memelihara dan memulihara sumber negara.

TOPIK 9 : SUMBER NEGARA

OBJEKTIF :

1. Mengenali dan menghargai pelbagai sumber di negara kita.
2. Mengetahui cara sumber diperoleh dan menyedari kesannya terhadap landskap dan sumber.
3. Mengetahui penggunaan dan cara pengurusan sumber negara.
4. Menyedari bahawa setiap individu bertanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan sumber negara supaya alam sekitar terpelihara.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
9. SUMBER NEGARA **9.1 Sumber Semula Jadi** **a. Jenis sumber** i. Mineral seperti petroleum dan gas asli ii. Air	**Aras 1** 1. Menyenaraikan jenis-jenis sumber yang terdapat di negara kita. 2. Menyenaraikan sumber mineral utama. 3. Menyenaraikan hasil hutan yang terdapat di negara kita.	Berbangga dan bersyukur dengan wujudnya pelbagai sumber yang dapat dinikmati oleh rakyat negara kita.	1. Membincangkan jenis-jenis sumber berdasarkan gambar atau sumber sebenar. 2. Membuat peta minda berkenaan dengan jenis sumber semula jadi.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
iii. Udara iv. Hasil hutan seperti kayu, rotan dan damar v. Hasil laut seperti ikan, udang dan kerang vi. Tanih vii. Suria	4. Menyatakan hasil laut yang terdapat di negara kita. **Aras 2** 1. Mengelaskan jenis-jenis sumber. **Aras 3** 1. Menghuraikan air, udara dan suria sebagai sumber.		3. Mengumpul dan mengelas gambar-gambar mengikut jenis sumber. 4. Melukis poster bertemakan sumber semula jadi.
b. Sumber yang boleh dibaharui dan tidak boleh dibaharui i. Sumber yang boleh dibaharui ialah sumber yang boleh diganti dan tidak kehabisan • Air • Udara • Hutan	**Aras 1** 1. Menyatakan maksud sumber yang boleh dibaharui dan tidak boleh dibaharui. 2. Menyenaraikan sumber yang boleh dibaharui dan tidak boleh dibaharui.	Bersyukur dan berbangga dengan kekayaan sumber negara kita.	1. Membuat jadual dua lajur menunjukkan jenis sumber yang boleh dibaharui dan tidak boleh dibaharu. Bincangkan kedua-dua jenis sumber tersebut.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
• Tanih • Suria ii. Sumber yang tidak boleh dibaharui ialah sumber yang terhad dan akan habis • Sumber mineral seperti petroleum, gas asli, logam dan bijih timah	**Aras 2** 1. Mengelaskan sumber-sumber mengikut jenisnya. 2. Membandingkan dan membezakan bahan-bahan kegunaan harian daripada sumber yang boleh dibaharui dan tidak boleh dibaharui. **Aras 3** 1. Meramalkan akibat jika sumber petroleum dan gas asli negara kita kehabisan.		2. Melabelkan barangan seperti pakaian, kereta, makanan dan minuman hasil daripada sumber yang boleh dibaharui dan tidak boleh dibaharui. 3. Melayari laman web untuk mendapatkan maklumat mengenai sumber yang dibaharui dan tidak boleh dibaharui. http://www.kjc.gov.my/people/environ/phdb.htm

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
c. Cara mendapatkan sumber i. Sumber diperoleh melalui aktiviti seperti perlombongan, pembalakan dan penangkapan	**Aras 1** 1. Menerangkan cara mendapatkan sumber semula jadi. 2. Menyenaraikan peralatan yang digunakan untuk mendapatkan sumber semula jadi.	Menghargai usaha mendapatkan pelbagai sumber.	1. Mengumpul gambar-gambar yang menunjukkan cara mendapatkan sumber dan membuat catatan ringkas tentang gambar tersebut dalam buku skrap.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	Aras 2 1. Membandingkan dan membezakan cara mendapat dua jenis sumber alam di Malaysia. **Aras 3** 1. Mencadangkan alternatif kepada kaedah mendapatkan sumber alam dan sumber tenaga. 2. Membincangkan peranan sekolah, institusi pengajian tinggi dan pusat-pusat latihan dalam membangunkan sumber manusia.		2. Membincangkan dan melaporkan cara mendapatkan sumber seperti hasil laut. 3. Memadankan penyataan dengan gambar cara mendapatkan sumber. 4. Menonton tayangan video tentang cara mendapatkan sumber dan membuat catatan mengenai maklumat penting.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
d. Kegunaan sumber i. Sumber semula jadi digunakan untuk mendapatkan tenaga ii. Bahan mentah untuk kegunaan sektor perindustrian iii. Hasil laut seperti udang, kerang, ikan dan tiram sebagai sumber makanan iv. Tanih yang subur untuk aktiviti pertanian v. Hasil laut dan hasil hutan digunakan sebagai bahan dalam ubat-ubatan	**Aras 1** 1. Menyenaraikan kegunaan sumber. 2. Menerangkan kegunaan sumber untuk memenuhi keperluan manusia. 3. Menamakan produk yang dihasilkan daripada pelbagai sumber. **Aras 2** 1. Menerangkan kepentingan sumber dalam pembangunan negara. **Aras 3** 1. Mengkaji dan merumuskan langkah-langkah penggunaan sumber secara optimum.	Bersyukur dan berbangga dapat menggunakan sumber semula jadi di negara kita. Berbangga negara kita dapat menghasilkan produk daripada pelbagai sumber	1. Membincangkan cara sumber menghasilkan tenaga dan membantu manusia menjalani hidup dengan lebih mudah. 2. Membuat carta bergambar mengenai produk yang berasaskan hasil laut. 3. Menulis puisi bertemakan sumbangan hutan kepada manusia.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
e. Kesan kegiatan mendapatkan sumber kepada alam sekitar i. Landskap • Perubahan landskap akibat perlombongan, pembalakan dan pembinaan empangan elektrik hidro - kolam-kolam lombong - kawasan tandus - permukaan bumi yang terdedah - pembentukan tasik-tasik yang menenggelamkan kawasan terlibat ii. Pencemaran • Pencemaran laut akibat perlombongan minyak	**Aras 1** 1. Menyatakan kesan aktiviti mendapatkan sumber kepada alam sekitar. 2. Menyenaraikan perubahan landskap akibat daripada aktiviti perlombongan, pembalakan dan pembinaan empangan eletrik hidro. 3. Menyatakan jenis pencemaran. **Aras 2** 1. Menghuraikan punca berlakunya pencemaran. 2. Menyatakan aktiviti yang boleh menyebabkan kepupusan sumber.	Menghargai keindahan alam semula jadi. Menyedari pentingnya menjaga alam sekitar.	1. Menghasilkan buku skrap daripada gambar-gambar yang menunjukkan perubahan landskap akibat pembalakan, perlombongan dan pembinaan empangan elektrik hidro. 2. Membincangkan perubahan landskap melalui tayangan video. 3. Membuat laporan tentang gambar atau keratan akhbar mengenai pencemaran di negara kita.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
• Pencemaran sungai akibat pembalakan dan perlombongan • Pencemaran udara akibat kegiatan manusia seperti kerja-kerja kuari iii. Ancaman kepupusan • Aktiviti membalak boleh mengakibatkan kepupusan spesis sumber hutan • Aktiviti mendapatkan hasil laut secara berleluasa boleh menyebabkan spesis sumber laut berkurangan • Aktiviti perlombongan yang berterusan untuk jangka masa yang lama menyebabkan bekalan dan simpanan sumber galian berkurangan	**Aras 3** 1. Menjelaskan kesan pencemaran terhadap tumbuhan, hidupan laut, haiwan dan manusia. 2. Mencadangkan usaha untuk mengurangkan kepupusan sumber. 3. Meramalkan akibat daripada kepupusan sumber alam dan tenaga.	Mematuhi dan mentaati undang-undang dan peraturan alam sekitar. Menyayangi khazanah alam yang terdapat di negara kita.	4. Meneliti lirik lagu atau puisi yang bertemakan alam sekitar. Bincangkan jenis dan kesan pencemaran dalam lagu tersebut. 5. Mengkaji satu kawasan berhampiran rumah atau sekolah murid yang mengalami pencemaran. Tuliskan satu laporan tentang jenis dan punca pencemaran serta keadaan di kawasan tersebut. .

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
			6. Membincangkan usaha yang diambil oleh pegawai perikanan untuk mengelakkan kepupusan hidupan laut. 7. Sumbang saran mengenai kesan aktiviti pembalakan, perlombongan dan penangkapan hasil laut.
f. Pemeliharaan dan pemuliharaan i. Penggunaan sumber secara positif Penggunaan sumber tanpa pembaziran dengan mengambil kira imbangan antara keperluan dengan pengurusan alam sekitar dan ekologi	**Aras 1** 1. Menyenaraikan langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan sumber. 2. Menamakan pihak-pihak yang terlibat dalam proses penghutanan semula.	Menyedari perlunya menggunakan sumber dengan bijak.	1. Membincangkan langkah-langkah penjimatan dalam penggunaan sumber. 2. Menonton video mengenai program penghutanan semula di Malaysia.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
ii. Penghutanan semula Penghutanan semula merupakan satu usaha menanam semula bagi menggantikan pokok-pokok yang ditebang • Tujuan penghutanan semula • Cara penghutanan semula • Agensi yang terlibat dalam penghutanan semula iii. Tebus guna tanah Tebus guna sebagai satu langkah pemeliharaan dan pemuliharaan tanah dan tanih • Kawasan bekas lombong digunakan secara produktif untuk penanaman, akuakultur dan rekreasi	2. Menyatakan langkah pemeliharaan dan pemuliharaan sumber tanah. 3. Menyenaraikan cara menjimatkan pengggunaan sumber. 4. Menjelaskan cara tebus guna tanah dan tujuan menebus. 5. Menyenaraikan cara menjimatkan penggunaan sumber. 6. Mewarnakan bahan-bahan yang boleh dikitar dan digunakan semula. **Aras 2** 1. Menyatakan peranan semua pihak dalam pemeliharaan dan pemiliharaan hutan.	Menyedari perlunya menggunakan sumber dengan bijak. Menghargai kepentingan tanah dan tanih kepada manusia dan hidupan lain.	3. Berbincang dan membuat laporan tentang aktiviti penghutanan semula di Malaysia. 4. Mencari maklumat dan melaporkan tujuan dan cara tebus guna tanah. 5. Membincangkan keadaan fizikal kawasan yang telah ditebus guna berdasarkan gambar-gambar. 6. Membincangkan dan mencadangkan langkah-langkah penjimatan air di rumah atau di sekolah secara berkumpulan.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
• Kawasan paya dijadikan kawasan pertanian, perumahan dan perindustrian iv. Pengurangan penggunaan • Penggunaan sumber secara optimum dengan mengambil kira bekalan dan simpanan terutamanya sumber yang tidak boleh dibaharui v. Kitar dan guna semula • Kitar dan guna semula bahan-bahan buangan seperti kertas, tin, kaca, besi dan plastik vi. Rawatan sisa buangan • Rawatan pada sisa buangan sumber seperti sisa hasil hutan dan sisa hasil laut	2. Menyatakan kepentingan merawat sisa buangan. 3. Menghuraikan cara merawat sisa buangan. 4. Membincangkan langkah-langkah penjimatan dalam penggunaan sumber. **Aras 3** 1. Menyatakan sebab dan akibat sekiranya tiada perancangan yang sempurna dalam pemeliharaan dan pemuliharaan sumber. 2. Membuat generalisasi mengenai kesedaran masyarakat di dalam penjagaan alam sekitar.	Sentiasa berjimat dalam menggunakan sumber.	7. Melukis poster yang bertema penjimatan air. 8. Mengadakan kempen di sekolah untuk mengumpul surat khabar, tin dan barang kaca bagi tujuan kitar dan diguna semula. 9. Mengadakan ceramah tentang pengurusan dan penggunaan bahan buangan yang dikitar dan diguna semula. 10. Menjalankan uji kaji merawat air yang tercemar melalui proses penurasan.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
• Rawatan pada air yang tercemar akibat aktiviti perlombongan, pembalakan, perkumbahan dan perkilangan **9.2 Sumber Manusia** a. Jumlah penduduk i. Penduduk merupakan sumber kepada Negara. a. Penduduk merupakan sumber kepada negara. • Wujud kepelbagaian tahap kebolehan dan kemahiran.	3. Mencadangkan usaha-usaha yang dijalankan bagi memastikan alam sekitar dilindungi setelah sumber digunakan. **Aras 1** 1. Menyatakan maksud sumber manusia. 2. Menerangkan sumber manusia sebagai asas kekayaaan sesebuah negara. **Aras 2** 1. Menghuraikan bagaimana kepelbagaian tahap kebolehan dan kemahiran memberi faedah kepada negara. 2. Menjelaskan situasi yang akan berlaku jika Negara tiada sumber tenaga pekerja mahir.	Menyedari bahawa bahan buangan masih berguna dalam kehidupan kita. Berbangga kerana negara mempunyai matlamat untuk mencapai sasaran 70 juta penduduk pada tahun 2020. Bersyukur kerana negara mempunyai sumber manusia yang sihat, berkualiti dan produktif	1. Berbincang untuk mendapatkan maklumat mengenai penduduk yang menyumbang kepada pembangunan negara. 2. Mengadakan perbahasan bertajuk 'Penduduk Yang Ramai Menguntungkan Pembangunan Negara.' 3. Forum mengenai tahap kesihatan bertemakan tenaga kerja berkualiti. 4. Membincangkan slogan 'Rakyat Bersih, Negara Sihat.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
b. Tahap Pendidikan i. Pendidikan dan kepakaran penduduk berupaya melaksanakan pembangunan Negara. • Sumber tenaga mahir boleh dibentuk melalui pendidikan.	**Aras 3** 1. Meramalkan kemungkinan-kemungkinan yang akan wujud jika sesebuah Negara itu mempunyai kurang penduduk. **Aras 1** 1. Menyatakan kepentingan pendidikan dalam pembangunan negara. 2. Menyatakan tahap-tahap pendidikan di Malaysia. **Aras 2** 1. Menjelaskan tahap pendidikan menentukan tahap pembangunan negara.	Bersyukur kerana negara mempunyai sumber manusia yang sihat, berkualiti dan produktif.	

TOPIK 10 : EKONOMI NEGARA

Melalui topik ini, murid dapat mengetahui pelbagai sektor ekonomi dan lokasi utama kegiatan ekonomi negara. Melalui proses pengajaran dan pembelajaran, murid mengetahui sumbangan kegiatan ekonomi terhadap pendapatan, pekerjaan dan pembangunan negara. Topik ini juga dapat menyedarkan murid bahawa penyelidikan dan pembangunan yang mempengaruhi perkembangan ekonomi negara perlu ditingkatkan dan diteruskan. Akhirnya, murid menyedari bahawa terdapat pelbagai usaha dijalankan untuk menjamin perkembangan ekonomi dan pembangunan negara yang mapan.

TOPIK 10 : EKONOMI NEGARA

OBJEKTIF :

1. Mengetahui pelbagai sektor ekonomi dan lokasinya di Malaysia.
2. Mengetahui dan menghargai sumbangan kegiatan ekonomi terhadap pendapatan, pekerjaan dan pembangunan negara.
3. Memahami dan menyedari bahawa usaha-usaha pembangunan ekonomi sentiasa dipertingkatkan untuk menjamin pembangunan ekonomi yang berterusan.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
EKONOMI NEGARA **10.1 Kegiatan Ekonomi** **a. Kegiatan ekonomi utama** i. Pertanian • Penanaman • Penternakan • Perikanan	**Aras 1** 1. Menyatakan jenis kegiatan ekonomi utama. 2. Menyenaraikan kegiatan dalam setiap bidang ekonomi utama. 3. Menyatakan hasil-hasil yang diperoleh daripada kegiatan ekonomi.	Bersyukur dengan wujudnya pelbagai kegiatan ekonomi di negara kita.	1. Membina pengurusan grafik mengenai kegiatan ekonomi utama. 2. Membuat lawatan ke kawasan pertanian, perindustrian atau pusat perniagaan yang berhampiran dan melaporkan kegiatan ekonomi yang terdapat di tempat tersebut.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
ii. Perindustrian • Industri ringan • Industri berat • Industri desa iii. Perkhidmatan • Pelancongan • Perbankan • Pendidikan • Kesihatan iv. Perhutanan • Pembalakan • Pengeluaran hasil hutan seperti rotan, herba dan kayu bakau v. Perlombongan	**Aras 2** 1. Membandingkan dan membezakan industri berat, industri ringan dan industri desa. **Aras 3** 1. Menghuraikan satu kegiatan industri desa yang boleh dimajukan di peringkat antarabangsa.		3. Membuat buku skrap tentang hasil kegiatan ekonomi. 4. Melayari laman web untuk mendapatkan maklumat penting mengenai kegiatan ekonomi negara Malaysia. http://banktani.tripod.com/gm4.htm

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
b. Kawasan utama dan faktor yang mempengaruhi Kawasan utama kegiatan ekonomi negara dan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan seperti bentuk muka bumi, iklim, tanih, sumber, infrastruktur, pasaran dan tenaga buruh i. Pertanian • Kawasan penanaman padi seperti Dataran Kedah Perlis, Delta Kelantan dan Tanjung Karang • Kawasan penanaman kelapa sawit seperti di Jengka, Labis dan Trolak • Kawasan penanaman getah seperti di Kluang, Bahau dan Lahad Datu	**Aras 1** 1. Menyatakan kawasan utama kegiatan pertanian. 2. Menyatakan kawasan utama penangkapan hasil laut, penternakan ikan air tawar dan akuakultur. 3. Menyatakan kawasan utama perindustrian yang terdapat di Malaysia. 4. Menyenaraikan kawasan utama perlombongan. 5. Menyatakan hasil utama perlombongan negara. 6. Menyatakan jenis perkhidmatan utama yang terdapat di negara kita. 7. Menyenaraikan kawasan utama pembalakan dan hasil pengeluaran hutan.	Berbangga dan bersyukur negara kita banyak mempunyai kawasan kegiatan ekonomi.	1. Menandakan kawasan utama kegiatan pertanian di peta Malaysia. 2. Membincangkan kaitan kawasan pertanian utama dengan bentuk muka bumi. 3. Menonton tayangan video tentang kawasan pertanian dan membincang faktor yang mempengaruhinya. 4. Melabelkan kawasan utama perindustrian di atas peta. 5. Membincangkan faktor amyang mempengaruhi kawasan perindustrian berdasarkan tayangan video.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
• Kawasan penanaman sayur-sayuran seperti di Cameron Highlands dan Kundasang • Kawasan penternakan seperti ternakan lembu tenusu di Kluang dan ternakan ayam di Dinding • Perikanan laut dalam dan pinggir pantai - Penternakan ikan air tawar seperti di sungai-sungai, tasik dan bekas lombong - Akuakultur seperti di Bukit Merah dan di Kukup ii. Perindustrian • Kawasan industri ringan seperti di Petaling Jaya, Pengkalan Chepa, Likas, Kota Samarahan dan Kemunting	8. Menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi setiap kegiatan ekonomi. **Aras 2** 1. Menghubungkaitkan kawasan kegiatan ekonomi utama dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya. **Aras 3** 1. Melakarkan dan membincangkan satu kawasan kegiatan ekonomi pelbagai sektor yang mesra alam.	Bersyukur dan berbangga dengan usaha kerajaan memajukan kegiatan ekonomi.	6. Membuat carta bergambar tentang barangan perindustrian keluaran tempatan mengikut jenis dan kegunaan. 7. Melabel kawasan perlombongan utama dalam peta dan mencatat hasil perlombongan. 8. Melawat tempat pelancongan yang berdekatan dan menyenaraikan ciri-ciri keistimewaannya.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
• Kawasan industri berat seperti di Shah Alam, Mak Mandin, Pekan, Pasir Gudang, Miri, dan Kerteh • Kawasan industri desa seperti di Kuala Besut, Kampung Laut, Banting, Kota Marudu, Long Panai dan Kapit iii. Perlombongan • Petroleum seperti di Perairan Barat Sabah, Miri, Sarawak dan Perairan Terengganu • Gas asli seperti di Bintulu dan Kerteh iv. Perkhidmatan • Kawasan pelancongan seperti di Langkawi, Pulau Tioman, Cameron Highlands, Gunung Kinabalu, Gua Niah dan Port Dickson		Berbangga dengan keindahan tanah air. Bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keceriaan.	9. Melalui inkuiri penemuan, senaraikan kemudahan dan kepentingan perkhidmatan seperti di klinik, hospital, sekolah, bank, kedai, pusat membeli-belah dan balai polis yang terdapat di pekan atau bandar terdekat. 10. Menyediakan buku skrap tentang hasil hutan dan kegunaannya.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
• Perkhidmatan perbankan, pendidikan dan kesihatan di bandar dan di luar bandar v. Perhutanan • Kawasan pembalakan seperti di pedalaman Sabah, Sarawak, Perak, Pahang dan Kelantan. • Hasil hutan seperti di Sabah, Sarawak, Perak, Pahang dan Kelantan		Menghargai kepentingan kemudahan perkhidmatan yang disediakan untuk masyarakat. Mencintai hutan negara.	
10.2 Sumbangan Kegiatan Ekonomi **a. Pekerjaan** i. Menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang pertanian, perindustrian, perlombongan, perkhidmatan dan perhutanan seperti jurutera, akauntan, jururawat, guru, juruteknik, nelayan, petani, penternak dan operator pengeluaran	**Aras 1** 1. Menyatakan kepentingan kegiatan ekonomi negara. 2. Menyenaraikan kegiatan ekonomi yang menyediakan banyak peluang pekerjaan. 3. Menyenaraikan jenis-jenis pekerjaan berdasarkan kegiatan ekonomi tertentu.	Bersyukur dapat menikmati kemajuan ekonomi. Menghargai jasa dan sumbangan tenaga pekerja.	1. Mendapatkan maklumat tentang jenis pekerjaan penduduk di daerah dan di tempat sendiri. 2. Mengumpul gambar produk dan perkhidmatan mengikut kegiatan ekonomi.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	Aras 2 1. Menerangkan jenis pekerjaan yang terdapat di kawasan sektor-sektor tertentu. **Aras 3** 1. Meramalkan peluang pekerjaan baru selaras dengan kemajuan pesat negara.		**<u>Contoh:</u>** Padi : dihasilkan oleh petani Jambatan: hasil usaha jurutera dan buruh binaan. Kereta : hasil usaha jurutera dan juruteknik kenderaan 3. Sumbang saran mengenai peluang pekerjaan yang mungkin wujud selaras dengan kemajuan negara.
b. Pendapatan Negara i. Sumbangan kegiatan ekonomi kepada pendapatan negara	**Aras 1** 1. Menyenaraikan hasil kegiatan ekonomi utama yang menyumbang kepada pendapatan negara. **Aras 2** 1. Membincangkan bagaimana pelbagai kegiatan ekonomi menyumbang kepada pendapatan negara.	Bersyukur kerana pelbagai kegiatan ekonomi dapat menyumbang kepada hasil kerajaan.	1. Mengumpul dan membincangkan gambar kegiatan ekonomi utama yang memberi sumbangan kepada pendapatan negara. 2. Berpidato bertajuk : " Sektor industri desa berpotensi memainkan

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	Aras 3 1. Meramalkan apa akan berlaku jika negara tidak memperoleh pendapatan.		peranan untuk meningkatkan pendapatan negara “. 3. Membincangkan sebab dan akibat jika negara tidak memperoleh pendapatan.
c. Pembangunan i. Membangun dan memajukan kawasan petempatan seperti: • di Jengka, Pahang; • di Lembah Kelang, Selangor; • di Putrajaya, Selangor; • di Kerteh, Terengganu; • di Bintulu, Sarawak; dan • di Likas, Sabah	**Aras 1** 1. Menyatakan kawasan pembangunan utama mengikut kegiatan pertanian, perindustrian dan perlombongan. 2. Menyenaraikan jenis infrastruktur dan kemudahan awam yang terdapat di sesuatu kawasan. **Aras 2** 1. Membandingkan dan membezakan dua kawasan pembangunan utama dari segi infrastruktur dan kemudahan yang terdapat di sesuatu kawasan.	Berbangga wujudnya kawasan yang membangun hasil daripada kegiatan ekonomi yang berterusan. Menghargai dan bersama-sama bertanggungjawab menjaga kemudahan awam.	1. Melabel kawasan-kawasan pembangunan utama di atas peta kosong. 2. Membincang kedudukan kawasan-kawasan pembangunan. 3. Membuat peta minda tentang jenis infrastuktur. 4. Membuat simulasi berkumpulan untuk merancang sebuah kawasan petempatan.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
ii. Menyediakan dan memajukan infrastruktur dan kemudahan awam seperti perhubungan dan pengangkutan, telekomunikasi, klinik, hospital, elektrik, air, sekolah dan pusat pengajian tinggi	**Aras 3** 1. Merancang sebuah bandar bestari yang serba lengkap dengan pelbagai kemudahan dan pembangunan.	Berbangga wujudnya kawasan yang membangun hasil daripada kegiatan ekonomi. Bersyukur dan menghargai atas nikmat daripada perkhidmatan kemudahan awam serta bersama bertanggungjawab menjaganya.	5. Melawat dan membuat kajian ke sebuah kawasan petempatan yang canggih seperti Putrajaya di Selangor.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
10.3 Pembangunan Ekonomi Berterusan **a. Kepentingan bekalan sumber** i. Bekalan sumber • Sumber manusia sebagai tenaga kerja dan kepakaran • Sumber tenaga seperti petroleum dan gas asli • Bahan mentah seperti kelapa sawit, getah dan kayu kayan ii. Peranan kerajaan • Meluaskan pasaran • Mewujudkan zon perdagangan bebas • Menggalakkan pelaburan • Mewujudkan keamanan	**Aras 1** 1. Menyenaraikan jenis bekalan sumber untuk pembangunan ekonomi yang berterusan. 2. Menyatakan faktor-faktor penyumbang ke arah pembangunan ekonomi mapan. 3. Menyatakan peranan kerajaan dalam usaha membangunkan ekonomi yang berterusan. **Aras 2** 1. Menyatakan kepentingan bekalan sumber yang berterusan sebagai penyumbang ke arah pembangunan ekonomi. 2. Menyenaraikan langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk menarik pelaburan ke negara kita.	Menghargai peranan kerajaan dalam usaha membangunkan ekonomi yang berterusan.	1. Membincangkan cara meningkatkan produktiviti, salah satu kegiatan ekonomi utama di negara kita. 2. Membincangkan dan menyenaraikan cara bekalan bahan mentah dan sumber tenaga boleh dikekalkan supaya dapat digunakan untuk pembangunan berterusan.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
			3. Pada peta dunia, tandakan arah aliran pasaran Malaysia ke negara luar dan menyenaraikan barangan utama yang dieksport ke negara tersebut. 4. Menanda peta dan menamakan zon-zon perdagangan bebas serta menerangkan sebab zon-zon tersebut diwujudkan. 5. Mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber tentang usaha-usaha menarik pelaburan asing ke Malaysia. Berdasarkan maklumat tersebut adakan satu aktiviti main peranan tentang usaha menggalakkan pelabur asing melabur di Malaysia.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
b. Penyelidikan dan pembangunan i. Tujuan • Meningkatkan produktiviti • Meningkatkan kualiti • Menggalakkan reka cipta ii. Agensi yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan seperti *Forest Research Institute of Malaysia* (FRIM), *Malaysia Agriculture Research and Development Institute* (MARDI) dan Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia (IPPM)	**Aras 1** 1. Menyenaraikan tujuan penyelidikan dan pembangunan dijalankan. 2. Menyenaraikan agensi-agensi yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan. **Aras 2** 1. Menerangkan tugas agensi yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan. **Aras 3** 1. Menghuraikan langkah-langkah kerajaan ke arah mengembangkan industri desa berasaskan teknologi tinggi.	Menyedari kepentingan penyelidikan dan pembangunan dalam menjadikan negara berdaya saing. Berbangga dengan kejayaan agensi tempatan dalam penyelidikan dan pembangunan.	1. Mengkaji tentang penjualan makanan di kantin sekolah dan memberi cadangan cara meningkatkan kualiti dan penjualannya. 2. Membuat carta dan laporan ringkas tentang aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah institusi penyelidikan. 3. Melawat ke institusi penyelidikan dan pembangunan berhampiran sekolah murid dan menemu bual kakitangannya untuk mengetahui kejayaan yang dicapai oleh institusi tersebut.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
			4. Mencari maklumat dari internet tentang kejayaan agensi seperti MARDI, FRIM dan IPPM serta membincangkannya. http://www.agrolink.moa.my/lkim/statis1.htm/

TOPIK 11 : PEMBINAAN BANGSA DAN NEGARA

Topik ini membolehkan murid mengetahui pembinaan bangsa dan negara Malaysia. Melalui pengajaran dan pembelajaran, murid menyedari pentingnya Perlembagaan dan Rukun Negara untuk memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat Malaysia ke arah keharmonian dan kesejahteraan bersama. Di akhir topik ini, murid didedahkan tentang usaha-usaha membangunkan negara melalui bidang ekonomi, sosial dan penerapan nilai-nilai murni dalam proses pembinaan bangsa dan negara.

TOPIK 11 : PEMBINAAN BANGSA DAN NEGARA

OBJEKTIF :

1. Mengenali perlembagaan negara ke arah membina masyarakat yang sejahtera.
2. Memahami dan mengamalkan Rukun Negara.
3. Mengamal nilai-nilai murni dalam kehidupan harian.
4. Menghormati dan mengamalkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara kita.
5. Mengetahui dan memahami pelbagai rancangan ekonomi, sosial dan kerohanian dalam usaha membangunkan negara kita.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
11. PEMBINAAN BANGSA DAN NEGARA **11.1 Perlembagaan Negara** **a. Sistem Kerajaan Persekutuan** i. Badan Perundangan • Parlimen - Dewan Rakyat - Dewan Negara	**Aras 1** 1. Menyatakan badan-badan yang membentuk sistem struktur pentadbiran negara. 2. Menerangkan keanggotaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.	Berbangga dengan negara kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Menghormati pemimpin di semua peringkat.	1. Membina carta organisasi kerajaan Malaysia. 2. Membuat simulasi proses pilihanraya umum.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
ii. Badan Pemerintah • Yang di-Pertuan Agong • Jemaah Menteri iii. Badan Kehakiman • Mahkamah Persekutuan • Mahkamah Tinggi • Mahkamah Rendah	3. Menyatakan jenis mahkamah yang terdapat di Malaysia. **Aras 2** 1. Menerangkan peranan Parlimen. 2. Menerangkan bagaimana Yang di-Pertuan Agong dipilih. **Aras 3** 1. Meramalkan sekiranya sesebuah negara tidak mempunyai struktur pentadbiran yang teratur.	Mentaati raja dan negara. Taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara. Mendukung kedaulatan undang-undang.	3. Menghasilkan buku skrap bertemakan ‘ Badan Pemerintah ’.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
b. Kewarganegaraan i. Perolehan kewarganegaraan • Cara kuatkuasa undang-undang • Pendaftaran • Pencantuman wilayah ii. Penamatan kewarganegaraan • Penolakan • Perlucutan	**Aras 1** 1. Menyatakan syarat untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia. 2. Menyatakan bagaimana seseorang boleh ditamatkan kewarganegaraannya. **Aras 2** 1. Menghuraikan bagaimana kewarganegaraan seseorang boleh ditamatkan. **Aras 3** 1. Meramalkan akibat sekiranya perolehan warganegaraan dilonggarkan.	Bersyukur menjadi seorang warganegara Malaysia. Menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara.	1. Membincangkan dan mencatatkan cara-cara seseorang memperoleh kewarganegaraan. 2. Membincangkan dan mencatatkan bagaimana kewarganegaraan seseorang boleh ditamatkan. 3. Menyanyikan lagu patriotik dan membincangkan liriknya.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
c. Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera dan kepentingan sah kaum lain i. Perizaban kuota mengenai perkhidmatan, permit, lesen, biasiswa dan tanah rizab	**Aras 1** 1. Menyatakan hak kedudukan istimewaan orang Melayu dan bumiputera di negara kita. 2. Menerangkan maksud kepentingan sah kaum lain.	Berbangga dan bersyukur menjadi warganegara Malaysia. Menghormati hak dan kedudukan setiap rakyat Malaysia.	1. Membuat rujukan dan perbincangan tentang kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera dan kepentingan sah kaum lain.
d. Raja Berperlembagaan i. Maksud Raja Berperlembagaan ii. Semua kuasa dan tugas Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja ditentukan oleh perlembagaan	**Aras 1** 1. Menerangkan pengertian Raja Berperlembagaan. 2. Menyatakan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.	Menghormati dan mematuhi Perlembagaan Negara.	1. Menonton tayangan video mengenai Raja Berperlembagaan dan membincangkannya 2. Membandingkan dan membezakan struktur pentadbiran pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dengan raja sekarang. 3. Menonton tayangan video yang berkaitan dengan bidang kehakiman dan membuat ulasan.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
iii. Perlantikan hakim dan anggota suruhanjaya perkhidmatan awam	**Aras 2** 1. Menerangkan bidang kuasa dan tugas Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja yang ditentukan oleh perlembagaan.	Menghormati Ketua Negara.	
	Aras 3 1. Menghuraikan cara perlantikan hakim dan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.	Menghargai peranan hakim dalam sistem perundangan negara.	
e. Bahasa dan agama rasmi i. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi	**Aras 1** 1. Menerangkan Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara.	Berbangga dan berazam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.	1. Membincangkan tentang kepentingan Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan.
ii. Agama Islam adalah Agama Persekutuan. Walau bagaimanapun, setiap warganegara mempunyai hak menganuti agama masing-masing	2. Menerangkan Agama Islam adalah Agama Persekutuan. **Aras 2** 1. Menyatakan hak warganegara menganuti agama masing-masing.	Menghayati dan menghormati Islam sebagai Agama Persekutuan.	2. Membincangkan tentang penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	Aras 3 1. Menerangkan mengapa Bahasa Melayu diterima sebagai bahasa rasmi negara.	Menghormati kebebasan beragama.	3. Membincangkan sebab agama lain bebas diamalkan di negara ini walaupun agama Islam menjadi Agama Persekutuan.
11.2 Rukun Negara **a. Prinsip** i. Kepercayaan Kepada Tuhan • Keharmonian bangsa dan negara wujud atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan ii. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara iii. Keluhuran Perlembagaan	**Aras 1** 1. Menyatakan prinsip-prinsip Rukun Negara. 2. Menyatakan maksud prinsip-prinsip Rukun Negara. **Aras 2** 1. Menyatakan nilai-nilai yang dapat memenuhi cita-cita dan hasrat Rukun Negara. 2. Menerangkan hasrat yang terkandung dalam prinsip Rukun Negara.	Menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara. Menghormati Perlembagaan Negara.	1. Melukis poster bertemakan prinsip Rukun Negara. 2. Melafazkan prinsip-prinsip Rukun Negara dan membincangkan maksudnya. 3. Menghasilkan buku skrap mengenai Prinsip-prinsip Rukun Negara. 4. Mengarang dan mendeklamasikan puisi bertemakan Rukun Negara.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
• Perlembagaan memberi setiap warganegara hak-hak keistimewaan tertentu dan meletakkan tanggungjawab dan kewajipan tertentu terhadap bangsa dan negara iv. Kedaulatan Undang-Undang • Keadilan diasaskan atas kedaulatan undang-undang, setiap rakyat tarafnya sama di sisi undang-undang dan kebebasan asasi terjamin bagi semua warganegara v. Kesopanan dan Kesusilaan • Setiap orang dan setiap golongan hendaklah mengurus hal masing-masing dengan tidak melanggar tatasusila	**Aras 3** 1. Membincangkan tujuan diwujudkan Rukun Negara. 2. Meramalkan sekiranya rakyat Malaysia tidak berpegang kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.	Sentiasa patuh dan menghormati undang-undang negara.	5. Melakonkan satu adegan yang ada unsur-unsur kesopanan dan kesusilaan.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
b. Penghayatan i. Negara bersatu • Melahirkan satu bangsa dan negara yang anggota masyarakatnya menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan agama ii. Masyarakat demokrasi • Memelihara cara hidup demokratik. Kuasa terletak pada rakyat yang bertindak melalui parlimen	**Aras 1** 1. Menyatakan cara menghayati Rukun Negara. **Aras 2** 2. Menerangkan cara hidup yang demokrasi, adil dan saksama. **Aras 3** 1. Menjelaskan pentingnya kekayaan negara dapat dinikmati bersama. 2. Memberi cadangan cara rakyat negara ini dapat membentuk sebuah negara maju yang bersatu.	Menyedari pentingnya negara bersatu yang mempunyai masyarakat demokrasi dan adil. Bersyukur dengan rakyat Malaysia yang bersatu padu.	1. Menulis puisi bertemakan cinta akan negara. 2. Membincangkan sekiranya rakyat Malaysia tidak mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara. 3. Pertandingan menyanyi lagu-lagu patriotik.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
11.3 Usaha-usaha Membangunkan Negara a. **Rancangan ekonomi** i. Membangunkan ekonomi luar bandar • Mempertingkat produktiviti melalui rancangan seperti saliran dan pengairan • Mewujudkan industri desa seperti perusahaan kraftangan • Menggalakkan pelancongan • Memperluas industri penternakan	**Aras 1** 1. Menyatakan rancangan ekonomi yang dibangunkan oleh kerajaan. 2. Menyenaraikan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan produktiviti di kawasan luar bandar. 3. Menerangkan usaha-usaha menggalakkan industri pelancongan. 4. Menyatakan pelbagai usaha kerajaan dalam memajukan kegiatan industri. **Aras 2** 1. Menceritakan aktiviti-aktiviti penternakan di luar bandar. 2. Menerangkan peranan pelbagai agensi dalam pembangunan ekonomi.	Menghargai usaha-usaha kerajaan membangunkan ekonomi luar bandar. Berbangga dengan tempat-tempat pelancongan yang menarik.	1. Membandingkan penggunaan teknologi pertanian tradisional dengan teknologi pertanian moden. 2. Mengenal pasti agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan ekonomi negara dan sumbang saran mengenai aktiviti yang dijalankan oleh agensi tersebut. 3. Menghasilkan buku sumber mengenai tempat-tempat pelancongan di luar bandar. 4. Memilih satu industri di kawasan tempat tinggal murid dan bincangkan usaha-usaha kerajaan mengembangkan industri tersebut.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
ii. Membangunkan pelbagai kegiatan industri melalui pemberian insentif seperti penyediaan kawasan dan modal iii. Peranan agensi-agensi yang membangunkan ekonomi luar bandar seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	**Aras 3** 1. Membincangkan matlamat kerajaan dalam membangunkan industri luar bandar.	Menghargai sumbangan kerajaan untuk pembangunan industri negara.	
b. Rancangan sosial i. Menyusun semula masyarakat ii. Membasmi kemiskinan iii. Integrasi nasional dan integrasi wilayah iv. Memajukan sumber manusia berasaskan sains dan teknologi dan mewujudkan tenaga kerja yang berdisiplin, berkemahiran dan produktif	**Aras 1** 1. Menyatakan rancangan kerajaan untuk pembangunan sosial negara. 2. Menyenaraikan nilai-nilai yang perlu diterap dan diamalkan bagi mencapai perpaduan negara. 3. Menjelaskan ciri-ciri etika kerja yang boleh meningkatkan produktiviti.	Bersyukur dengan kemudahan perkhidmatan sosial yang disediakan oleh kerajaan.	1. Mendengar penerangan dan membuat catatan mengenai usaha kerajaan membasmi kemiskinan. 2. Membincangkan dan memberikan cadangan cara membantu keluarga miskin.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
v. Mempertingkat perkhidmatan sosial seperti perkhidmatan kesihatan, perumahan, kemudahan awam dan pendidikan vi. Penerapan nilai-nilai murni • Nilai-nilai utama bagi mencapai perpaduan negara seperti toleransi dan menghormati amalan serta nilai budaya • Etika kerja yang mengutamakan kerajinan, dedikasi, berjimat-cermat, berdisplin dan sanggup berkorban • Usahawan yang mampu menerokai bidang-bidang baru dan berdaya saing yang sihat seperti gigih, amanah, jujur dan bertanggungjawab • Nilai-nilai kerohanian seperti nilai sarwajagat dalam semua agama dan kepercayaan • Mencintai alam sekitar	**Aras 2** 1. Menyatakan kepentingan tenaga kerja pakar untuk pembangunan negara. 2. Menjelaskan perlunya mencintai alam sekitar. **Aras 3** 1. Menerangkan sahsiah yang perlu ada pada seseorang usahawan.	Berbangga dengan pelbagai usaha kerajaan meningkatkan kemahiran sains dan teknologi. Berbangga dengan tenaga kerja yang beretika. Menyedari dan mengamalkan nilai-nilai murni yang dapat menjamin kesejahteraan rakyat negara kita. Membudayakan amalan nilai-nilai kerohanian dalam kehidupan seharian.	3. Membincangkan program mempertingkatkan integrasi untuk menyatupadukan kaum-kaum di Malaysia dari pelbagai sumber. 4. Teater bertemakan “Bersih, Cekap dan Amanah’ dan ‘Kepimpinan Melalui Teladan’. 5. Membincangkan langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

TOPIK 12 : KEJAYAAN DAN KEBANGGAAN NEGARA

Topik ini membolehkan murid mengetahui pencapaian negara dalam pelbagai bidang yang menjadi kebanggaan kita. Melalui proses pengajaran dan pembelajaran, murid menyedari pentingnya amalan nilai-nilai murni yang membawa keharmonian dan kesejahteraan hidup yang berterusan di kalangan rakyat Malaysia dan kemajuan yang dicapai dalam pelbagai bidang itu adalah hasil usaha gigih kita. Di akhir topik ini, murid menyedari bahawa Malaysia dikenali dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK 12 : KEJAYAAN DAN KEBANGGAAN NEGARA

OBJEKTIF :

1. Mengenali dan memahami kejayaan dan kebanggaan negara kita dalam bidang sosiobudaya, ekonomi, sukan dan hubungan antarabangsa.
2. Memahami dan menyedari bahawa kemajuan dan kejayaan negara adalah dari usaha gigih rakyat yang berterusan.
3. Menyedari penggunaan Bahasa Melayu dan mengamalkan nilai-nilai murni akan membawa keharmonian serta kesejahteraan hidup yang berterusan di kalangan rakyat Malaysia.
4. Mengetahui peranan dan sumbangan negara kita melalui keanggotaannya dalam pertubuhan antarabangsa.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
12. KEJAYAAN DAN KEBANGGAAN NEGARA **12.1 Masyarakat Harmonis** **a. Faktor istimewa** i. Bahasa • Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	**Aras 1** 1. Menyatakan faktor-faktor yang mewujudkan masyarakat harmonis di Malaysia. 2. Menyenaraikan bahasa yang digunakan di Malaysia.	Berbangga dengan masyarakat Malaysia yang harmonis. Menyedari kepentingan Bahasa Melayu yang dapat memupuk semangat perpaduan.	1. Menulis karangan bertemakan 'Bahasa Jiwa Bangsa'.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
• Pelbagai bahasa dan dialek ii. Budaya • Perkongsian amalan nilai-nilai murni • Penglibatan bersama dalam aktiviti kemasyarakatan iii. Agama dan kepercayaan • Agama Islam sebagai Agama Persekutuan • Agama lain bebas dianuti oleh masyarakat	3. Menyenaraikan beberapa situasi yang menunjukkan masyarakat dari pelbagai kaum bertutur bahasa Melayu. **Aras 2** 1. Menceritakan tentang amalan harian yang boleh mewujudkan masyarakat harmonis. 2. Menyenaraikan amalan-amalan yang boleh memupuk keharmonian masyarakat mengikut agama dan kepercayaan setiap kaum. **Aras 3** 1. Merancang satu program sosial bagi memupuk keharmonian masyarakat yang melibatkan pelbagai kaum.		2. Melakonkan situasi yang menunjukkan pelbagai bangsa bertutur dalam Bahasa Melayu dan membuat refleksi daripada lakonan tersebut. 3. Membincangkan aktiviti bertemakan "semangat kerjasama." 4. Mengadakan permainan "kotak beracun" dan menjawab soalan tentang agama dan kepercayaan yang bertemakan perpaduan.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
	2. Membincangkan keberkesanan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia.	Menghormati amalan beragama dan kepercayaan pelbagai kaum.	
12.2 Kejayaan Negara **a. Kestabilan politik** i. Kestabilan politik menyumbang kepada kejayaan negara	**Aras 1** 1. Menyatakan suasana politik yang stabil. **Aras 2** 1. Menerangkan bagaimana suasana politik yang stabil menjamin kejayaan negara. **Aras 3** 1. Menjelaskan kesan jika berlaku ketidakstabilan politik kepada negara.	Bersyukur dengan kestabilan politik negara kita.	1. Menonton VCD mengenai suasana negara yang stabil dan membincangkannya. 2. Pidato bertemakan kestabilan politik. 3. Sumbang saran mengenai kesan ketidakstabilan politik. 4. Menjemput pemimpin masyarakat setempat untuk memberi ceramah tentang kestabilan politik dan pentadbiran setempat membawa kepada kemakmuran rakyat dan negara.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
b. Kemajuan ekonomi i. Pengeluaran dan eksport utama hasil kegiatan ekonomi negara • Pertanian - Kelapa sawit dan getah bermutu tinggi • Perindustrian - komponen elektronik - barangan elektrik - kereta nasional • Perlombongan - Petroleum bermutu tinggi - Gas cecair ii. Perkhidmatan • Pusat kecemerlangan pendidikan • Koridor Raya Multi Media	**Aras 1** 1. Menyenaraikan kegiatan ekonomi yang menaikkan imej negara. 2. Menyatakan produk-produk utama dalam kegiatan ekonomi yang mengharumkan negara. 3. Menyenaraikan jenis perkhidmatan yang membanggakan negara. 4. Menyenaraikan jenis binaan yang istimewa di negara kita. **Aras 2** 1. Menjelaskan kejayaan syarikat tempatan mengambil alih syarikat asing.	Berbangga dengan produk negara yang berkualiti dan terkenal di mata dunia.	1. Membincangkan hasil kegiatan ekonomi yang membanggakan negara. 2. Mengadakan ceramah oleh wakil agensi yang terlibat dengan penghasilan produk yang membanggakan negara. 3. Membuat koleksi gambar-gambar kebanggaan negara seperti kenderaan, bangunan dan alatan. 4. Melayari laman web mengenai kejayaan dan kebanggaan negara dalam bidang ekonomi dan seterusnya membuat rumusan. http://www.kempen.gov.my/lamanweb/k_ekonomi.htm

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
• Telekomunikasi • Teknologi Maklumat iii. Pembinaan • Menara Berkembar Petronas • Bandar Cyberjaya • Putrajaya • Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur • Litar Formula One • Jambatan Pulau Pinang • Kompleks Sukan Bukit Jalil iv. Perniagaan dan perdagangan • Mengambil alih syarikat asing oleh anak tempatan seperti GUTHRIE dan SIME DARBY • Pelaburan dan pemindahan teknologi	2. Menyatakan usaha-usaha pelaburan syarikat tempatan di luar negara. 3. Menyatakan usaha-usaha kerajaan menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia. **Aras 3** 1. Menjelaskan kemampuan negara dalam melaksanakan projek raksasa di luar negara. 2. Menjelaskan usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan negara sebagai pusat kecemerlangan teknologi maklumat dan komunikasi.	Berbangga dengan perkhidmatan berkualiti yang disediakan. Berbangga dengan kemampuan pembinaan projek-projek yang berteknologi tinggi.	

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
c. Pembangunan sosial i. Perpaduan masyarakat berbilang kaum ii. Pelbagai budaya, agama dan kepercayaan iii. Kejayaan dalam bidang sukan dan rekreasi • Jaguh sukan bertaraf dunia • Tuan rumah sukan bertaraf antarabangsa • Kecemerlangan ekspedisi seperti pelayaran solo mengeliling dunia, mendaki Gunung Everest dan menjelajahi Kutub Utara	**Aras 1** 1. Menyatakan kejayaan negara yang menjadi kebanggaan dalam pembangunan sosial. 2. Menyenaraikan jenis sukan dan rekreasi serta jaguh-jaguh yang telah mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa. 3. Menyatakan kejayaan negara dalam menganjurkan sukan bertaraf antarabangsa. 4. Menamakan pemimpin-pemimpin sukan yang melibatkan diri dalam pertubuhan sukan di peringkat antarabangsa. **Aras 2** 1. Menjelaskan kepentingan perpaduan masyarakat berbilang kaum dalam pembangunan sosial.	Berbangga dengan perpaduan masyarakat negara kita. Saling menghormati dan menghargai sikap toleransi rakyat kepelbagaian budaya. Berbangga dengan kejayaan rakyat dalam sukan dan rekreasi. Berbangga dengan sikap toleransi dan hormat-menghormati di kalangan rakyat pelbagai kaum.	1. Berpidato bertemakan masyarakat berbilang kaum. 2. Pertandingan melukis yang bertemakan pelbagai aktiviti budaya, agama dan kepercayaan. 3. Mengumpul gambar dan menulis biodata jaguh – jaguh sukan negara. 4. Menulis sebuah karangan mengenai seorang jaguh sukan negara yang terkenal di peringkat antarabangsa. 5. Menyanyi lagu-lagu patriotik seperti 'Malaysia Boleh.'

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
• Penglibatan rakyat Malaysia dalam persatuan atau organisasi sukan antarabangsa iv. Penganjuran program antarabangsa seperti : • Tilawah Al-Quran • Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi (LIMA) **12.3 Malaysia di Arena Antarabangsa** **a. Pertubuhan yang dianggotai dan faedahnya** i. ASEAN (Association of South East Asia Nation) • Kerjasama serantau	2. Menjelaskan kemampuan dan keupayaan negara dalam menganjurkan program peringkat antarabangsa. **Aras 3** 1. Mencadangkan langkah-langkah yang positif untuk mencapai kemajuan sukan di peringkat antarabangsa. 2. Menilai perkembangan dan pembangunan sukan Malaysia di peringkat antarabangsa. **Aras 1** 1. Menyatakan pertubuhan serantau dan antarabangsa yang dianggotai Malaysia.	Menyanjung tinggi kejayaan sukan negara di arena antarabangsa. Berbangga dengan penglibatan Malaysia yang aktif di arena antarabangsa.	6. Mengumpul keratan akhbar mengenai kejayaan negara menganjurkan program peringkat antarabangsa dan membuat catatan ringkas mengenainya. 7. Melayari laman web untuk mendapatkan maklumat tentang kejayaan negara dalam bidang sukan. http://www.kempen.gov.my/lamanweb/pelayaran.htm 1. Membincangkan tentang peranan Malaysia dalam pertubuhan ASEAN.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
ii . Pertubuhan Negara Islam (OIC) • Hubungan dengan negara-negara Islam iii. Komanwel • Kerjasama antara negara-negara bekas tanah jajahan British iv. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) • Kerjasama antarabangsa	2. Menyenaraikan faedah Malaysia menganggotai pertubuhan serantau dan antarabangsa.	Menyanjung tinggi atas kejayaan negara menganjurkan pelbagai program yang bertaraf antarabangsa.	2. Membuat peta minda tentang keanggotaan Malaysia di arena antarabangsa dan membincangkannya. 3. Mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber tentang latar belakang serta peranan utama pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Komanwel, O.I.C dan PBB.
b. Peranan dan sumbangan i. Memperjuangkan hak asasi manusia seperti dalam isu Bosnia dan Kosovo ii. Memperjuangkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui Deklarasi Langkawi dan Sidang Kemuncak Rio	**Aras 1** 1. Menyatakan peranan Malaysia dalam membantu menyelesaikan isu-isu antarabangsa. 2. Menyatakan bantuan Malaysia kepada mangsa bencana alam.	Berbangga dengan keupayaan kita memberi sumbangan terhadap keamanan dan kesejahteraan dunia.	1. Membincangkan peranan Malaysia dalam membantu menyelesaikan isu-isu antarabangsa. 2. Membuat peta minda mengenai peranan dan sumbangan Malaysia di arena antarabangsa dan membincangkannya.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
iii. Memperjuangkan isu-isu ekonomi seperti pemasaran dan perdagangan negara sedang membangun secara adil seperti G15 iv. Menyediakan peluang pendidikan di peringkat antarabangsa di institusi pengajian tinggi tempatan v. Membantu negara yang mengalami masalah seperti kebuluran dan bencana alam vi. Menyertai misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti di Somalia, Bosnia Herzegovina dan Kosovo vii. Memimpin pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti Tunku Abdul Rahman (OIC), Tan Sri Razali Ismail (Majlis Keselamatan PBB) dan Datuk Dr. Mazlan (NASA)	3. Menyenaraikan nama dan pertubuhan yang dipimpin oleh rakyat Malaysia di peringkat antarabangsa. **Aras 2** 1. Menjelaskan mengenai kemudahan perkhidmatan yang disediakan oleh Malaysia kepada negara-negara luar. **Aras 3** 1. Menjelaskan peranan dan sumbangan oleh seorang pemimpin negara dalam memperjuangkan kehidupan sarwajagat di arena antarabangsa. 2. Mencadangkan tindakan yang perlu diambil bagi mengekalkan tahap kecemerlangan negara di arena antarabangsa.	Berbangga dengan keupayaan Malaysia memberi sumbangan terhadap keamanan dan kesejahteraan dunia. Menyanjungi dan menghargai jasa rakyat Malaysia yang telah memberi sumbangan di peringkat antarabangsa.	3. Memadankan penyataan tentang sumbangan utama Malaysia dengan pertubuhan yang dianggotainya. 4. Mengumpul gambar rakyat Malaysia yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam pertubuhan antarabangsa dan menulis laporan mengenai mereka.